

## **Asia-Pasifik Pasaran terbesar Untuk Jentera Pertanian**

**Bernama**

**Jun 26, 2014**

**Oleh Minggu Simon Lhasa**

BANGKOK, 26 Jun (Bernama) -- Rantau Asia-Pasifik muncul sebagai pasaran terbesar di dunia, di segi jualan jentera dan kelengkapan pertanian, kata Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Sedunia.

Pada tahun depan, jumlah jualan jentera dan kelengkapan pertanian dijangka mencapai US\$49 bilion, katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

FAO berkata, menurut data Bank Dunia, jumlah itu melebihi gabungan jualan di Amerika Utara (US\$27 bilion) dan Eropah Barat (US\$20.5 bilion) yang dicatat pada 2010.

"Peningkatan ini sebahagian besarnya dipacu oleh negara Asia yang kini hampir sepenuhnya menggantikan haiwan sebagai sumber tenaga ladang dengan traktor, sama ada empat tayar atau dua tayar, atau gabungan kedua-duanya bergantung kepada sesebuah negara itu," katanya.

Diesel dan/atau jentera elektrik untuk menjana tenaga untuk pam pengairan di samping peralatan untuk menuai, urusan selepas menuai serta pemprosesan akan juga menggantikan lebih banyak kaedah manual, katanya.

Sementara itu, Penolong Ketua Pengarah dan Wakil Serantau FAO, Hiroyuki Konuma, berkata terdapat keperluan untuk memastikan mekanisasi pertanian mengguna pakai asas sumber asli rantau itu secara lestari agar ia tidak mengancam persekitaran pada masa depan.

"Transformasi yang berlaku dalam mekanisasi di seluruh rantau itu bagaimanapun tidak akan tercapai tanpa mengatasi cabaran penting dan tanpa mewujudkan kelestarian persekitaran dalam pendekatannya," katanya.

Konuma berkata demikian pada majlis 'Perundingan Pelbagai Pihak Berkepentingan Peringkat Tinggi Asia Pasifik Mengenai Strategi Mekanisasi Pertanian Lestari' mulai 26 hingga 27 Jun di sini, pada Khamis.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049698>